

20 AUG 1999

SENAMAN RAKSASA ANTARA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Satu senaman raksasa tai chi yang dijangka disertai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlangsung di Stadium Merdeka 5 Sept ini sebagai sebahagian daripada acara sambutan Hari Kebangsaan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah DBKL Datuk Noordin Abdul Razak berkata acara-acara lain termasuk pertandingan tarik tali, pertunjukan kapal terbang dan bot kawalan jauh serta pertandingan memancing, semuanya akan berlangsung di Taman Tasik Titiwangsa.

Satu lagi acara menarik ialah Pandu Misteri Hari Kebangsaan pada 4 Sept bermula di Dataran Merdeka, kata beliau pada persidangan berita di sini.

Semua premis kerajaan di ibu negara pula akan memasang bendera dan lampu selama tiga hari sebelum dan selepas sambutan Hari Kebangsaan ke 42 itu.

-- BERNAMA
nha mai